

**SOALAN NO. : 22**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016**

**NO. RUJUKAN : DR021**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan secara terperinci jumlah tanah yang belum dimajukan yang dimiliki oleh Kerajaan.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan memiliki lebih kurang 30 ribu lot tanah di seluruh negara. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 10 peratus sahaja daripada tanah tersebut yang masih belum dibangunkan.

Selain itu, Pada masa ini dianggarkan lebih kurang 1,143 lot tanah milik dan Rizab Kerajaan Persekutuan dari pelbagai Kementerian dan Agensi yang masih belum dibangunkan di seluruh negara. Walau bagaimanapun bagi maksud Tanah Kerajaan Negeri (Stateland) Kementerian ini tidak mempunyai rekod untuk jumlah tanah yang masih belum dimajukan kerana adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.